NO. SOALAN: 31

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO [BATU KAWAN]

TARIKH : 1.8.2017

RUJUKAN : 9995

SOALAN:

Puan Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan] minta **PERDANA MENTERI menyatakan :**

(a) bilangan orang yang dilahirkan di Malaysia yang masih tiada kerakyatan mengikut pecahan umur, jantina, kaum dan negeri; dan

(b) mengapa kanak-kanak kelahiran Malaysia di mana salah satu ibu bapa adalah warganegara dan anak angkat kepada pasangan warganegara tidak diberikan kerakyatan seperti diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Penentuan kewarganegaraan seseorang individu adalah berdasarkan kepada taraf perkahwinan dan status kewarganegaraan ibu bapanya selaras dengan peruntukan di bawah Perlembagaan Persekutuan. Status kewarganegaraan mereka (sama ada warganegara atau bukan warganegara) adalah tertakluk kepada syarat ini. Justeru, tidak wajar seseorang individu mendakwa dirinya sebagai tidak mempunyai kewarganegaraan.

Berhubung perkara ini juga, bagi kanak-kanak yang dilahirkan oleh wanita warga asing di luar perkahwinan, walaupun lelaki yang didakwa sebagai bapa kanak-kanak tersebut merupakan warganegara Malaysia, kanak-kanak tersebut akan tetap didaftarkan sebagai bukan warganegara selaras dengan peruntukan di bawah Bahagian III Perlembagaan Persekutuan. Selain itu, status sebagai anak angkat kepada warganegara Malaysia juga sama sekali tidak membawa maksud pemberian kewarganegaraan Malaysia secara automatik.

Penganugerahan kewarganegaraan Malaysia kepada anak yang dilahirkan di luar perkahwinan mahu pun anak angkat adalah berdasarkan kepada permohonan dan individu tersebut hendaklah terlebih dahulu memenuhi syarat-syarat yang

ditetapkan di Bahagian III Perlembagaan Persekutuan. Berhubung perkara ini, Mahkamah Rayuan pada 16 Mac 2017 telah memutuskan untuk menolak 2 permohonan kewarganegaraan bagi 2 orang individu bawah 21 tahun yang dilahirkan di Malaysia kerana:-

(i) bagi kes pertama, pemohon gagal membuktikan susur galur keturunannya pada masa kelahiran (prinsip *jus sanguinis* tidak dipenuhi); dan

(ii) manakala bagi kes kedua pula, kanak-kanak tersebut perlu dibuktikan bahawa beliau tanpa kerakyatan atau kewarganegaraan negara lain. Namun, memandangkan ia kes anak tak sah taraf yang dilahirkan oleh ibu warga asing (dilahirkan di luar perkahwinan), maka pertimbangan kewarganegaraan bagi anak tersebut, mengikut kewarganegaraan asal ibunya.